

27/05/2000

Ahmad sempat ulas syor PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) Datuk Ahmad Arshad, 78, sempat memberi pandangan berhubung insentif dalam industri perladangan sebelum meninggal dunia, hari ini.

Pandangan itu diberi dalam temu bual melalui telefon dengan wartawan Berita Harian, Wan Esuriyanti Wan Ahmad, yang menghubungi beliau di rumahnya di Jalan Temenggong, Segamat, Johor pada jam 11 pagi ini.

Wan Esuriyanti sempat bercakap dengan Allahyarham kira-kira 15 minit sebelum Ahmad mengadu ada gangguan dan selepas itu suaranya tidak kedengaran lagi.

"Saya dengar bunyi seperti kertas bergesel dan menunggu hampir setengah jam, tetapi suara Datuk masih tidak kedengaran.

"Saya merasa tidak sedap hati dan kerana bimbang sesuatu mungkin berlaku ke atas Datuk, saya terus menghubungi telefon bimbit Timbalannya, Abdul Wahid Azahari untuk memintanya menengok keadaan Datuk.

"Tetapi, Abdul Wahid memberitahu beliau berada di Kuala Lumpur dan meminta saya menghubungi pembantunya, Latifah, yang kenal rapat keluarga Datuk," kata Wan Esuriyanti.

Selepas Latifah dihubungi, Wan Esuriyanti terus meninggalkan pejabat dan kira-kira jam 1 tengah hari pembantu Abdul Wahid itu menghubungi telefon bimbit wartawan berkenaan dan memaklumkan bahawa Ahmad sudah meninggal dunia.

"Saya menggigil dan terkejut mendengar berita itu dan tidak menyangka kebimbangan saya benar-benar terjadi," katanya.

Balu Allahyarham, Datin Habibah Zainal Abidin, 49, yang pulang ke rumah pada jam 12 tengah hari, mendapati gagang telefon tergantung dan Allahyarham terbaring di katilnya.

Mengimbas kembali temu bual dengan Ahmad - seorang pejuang pekebun kecil sejak lebih 20 tahun, Wan Esuriyanti berkata, Allahyarham mahu saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung insentif dalam industri perladangan, dijadikan dorongan untuk peladang berusaha lebih gigih bagi memajukan diri sendiri.

"Saranan itu patut diberi perhatian oleh peladang tetapi saya tak setuju jika ladang getah digunakan untuk menternak lembu.

"Ini kerana lembu itu akan membinasakan pokok dan cawan getah, dan ini akan menyusahkan peladang. Tapi, jika ladang kelapa sawit, tak mengapa kerana keadaannya berbeza.

"Malah, jika peladang menternak lembu di ladang kelapa sawit, lembu ini akan meragut rumput dan najisnya boleh dijadikan baja," kata Allahyarham yang turut hadir pada mesyuarat Majlis Penyelarasan Sektor Awam-Swasta Dalam Sektor Pertanian yang dipengerusikan Perdana Menteri semalam.

Allahyarham yang turut membentangkan kertas kerja pada mesyuarat itu, juga mencadangkan negeri lain mengikut langkah kerajaan Pahang dan Johor yang memberi tanah kepada pekebun kecil untuk diusahakan.

(END)